

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 22 MAC 2021

KERATAN AKHBAR

Air sungai hitam akibat sampah

Tapak pembuangan sampah haram punca air sungai berbau busuk

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KLANG

Aktiviti pembuangan sampah haram di atas tanah lapang di Kampung Cherakah Jaya Meru di sini dipercayai telah menyebabkan air sungai di kawasan itu bertukar hitam.

Ia bukan sahaja mengeluarkan bau busuk malah merosakkan tanaman dan sayuran milik penduduk sekitar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhruzzai Mohd Mokhtar berkata, aduan tersebut diterimanya sebulan lalu sebelum lawatan ke lokasi baru-baru ini mendapat masa-



Keadaan tanah lapang yang dikesan menjadi lokasi pembuangan sampah haram di Kampung Cherakah Jaya Meru.



Mohd Fakhruzzai menunjukkan perbandingan sampel air sungai yang menjadi hitam dengan sumber air bersih.

lah tersebut masih berlarutan.

Menurut beliau, pihaknya telah memanjangkan isu tersebut kepada Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian dan Pegawai Daerah Petaling, Datuk Johary Anuar untuk tindakan lanjut.

"Aktiviti haram ini tidak di-

sedari orang awam kerana terletak di kawasan pedalaman berhampiran projek perumahan baharu.

"Selepas membuang sampah, terdapat sisa yang dikambus menyebabkannya larut ke sungai berhampiran.

"Setakat ini kita masih belum dapat menangkap pelaku ny dan akan menghantar orang

untuk melakukan intipan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Katanya, pihaknya menggesa tindakan tegas dikenakan kepada individu yang melakukan pencemaran alam sekitar di kampung tradisi tersebut.

"Saya minta pelaku dikenakan kompaun dan tanah tersebut disita.

"Jika ia libatkan pencemaran sumber air maka saya minta didakwa di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta dan hukuman penjara mandatori.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah turun menjalankan siasatan dan sampel air diambil untuk ujian makmal," katanya.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800